

KEMPEN KESEDARAN BIJAK URUS KEWANGAN WAJAR DIPERHEBAT

Oleh: Dr Hainnur Aqma Rahim, Universiti Islam Malaysia

&

Dr Siti Suriani Othman, Universiti Sains Islam Malaysia

Disiarkan pada 10 Mac 2020

Tular pada awal tahun ini mengenai mahasiswa institusi pengajian tinggi yang mengadu kebuluran akibat kesempitan wang menjadi topik paling hangat diperkatakan melalui laman sosial media mahupun menerusi media arus perdana. Mengikat perut dengan hanya makan sekali sehari, kerap berpuasa dan bergantung pada sebuku roti untuk dua hari, antara ikhtiar hidup sebilangan pelajar di institusi pengajian tinggi yang terpaksa menahan lapar akibat kekangan kewangan. Dalam hal ini, kita terfikir, adakah pengurusan kewangan pelajar yang tidak bijak atau mereka benar-benar tiada wang untuk meneruskan kehidupan seharian?

Professor Lauren E. Willis dari Loyola Law School dari Los Angeles yang aktif menulis artikel mengenai pendidikan literasi kewangan mendapati pengurusan kewangan yang tidak efektif sering menyebabkan krisis kewangan. Antara cadangan paling praktikal ialah untuk pelajar memastikan pengurusan kewangan yang berlandaskan penjimatan. Berkongsi kos dengan rakan serumah misalnya membantu pengurusan kewangan, mengenalpasti antara keperluan dan kehendak dan elakkan membeli tanpa perancangan. Pelajar juga boleh memastikan membeli ketika jualan murah untuk tujuan penjimatan.

Masalahnya, tidak semua pelajar berusaha menguruskan kewangan dengan bijak. Ada yang berbelanja secara berlebihan ketika mendapat biasiswa dan akhirnya pada akhir semester tiada wang yang dapat menampung perbelanjaan seharian. Ini adalah salah satu bentuk salah guna penggunaan biasiswa atau pinjaman pendidikan. Malah ada yang tidak tahu ke mana perginya wang mereka. Ramai juga yang tidak ada perancangan kewangan langsung. Malah,

ada juga yang membeli atau mendambakan sesuatu gaya hidup kerana tekanan rakan sebaya. Mengapakah terjadinya fenomena ini?

Perkara ini dibangkitkan oleh Professor Lauren yang mendapati kurangnya literasi pengurusan kewangan dalam kalangan penuntut kolej di Amerika. Dari aspek kewangan, mereka adalah sangat lemah malah kelemahan ini boleh mengancam masa depan mereka.

Kajian ini turut disokong oleh pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang mendapati bahawa sekiranya individu bijak mengurus kewangan, maka individu tersebut akan turut menikmati kesejahteraan kewangan. Selain itu, Kajian Huston oleh Aletha C. Huston iaitu profesor dalam bidang perkembangan psikologi turut mendapati mahasiswa yang mempunyai literasi kewangan yang tinggi diperlihatkan mempunyai risiko kekurangan wang yang rendah.

Dalam usaha memperkasakan literasi pengurusan kewangan dalam kalangan mahasiswa, pihak sekolah dan guru dilihat berperanan sebagai agen yang dominan dalam menyuntik kesedaran dalam kalangan pelajar supaya bijak mengurus kewangan kerana mahasiswa ini menerima pendidikan secara formal dan sistematik di peringkat sekolah. Tambahan lagi, pendidikan nilai di sekolah sebagai penggerak utama dalam pembinaan watak amatlah penting. Tindakan ini telah dilaksanakan di United Kingdom sejak September 2018, yang mana pengurusan kewangan dijadikan agenda penting di sekolah-sekolah. Pelajar-pelajar dari umur 11 hingga 16 tahun didedahkan dengan pelbagai kefahaman berkaitan kewangan seperti konsep hutang, cukai dan kadar bunga. Ini petanda bahawa Malaysia juga perlu bertindak segera agar dapat melahirkan lebih ramai belia yang waras dalam menguruskan perbelanjaan mereka dan untuk jangka panjang dapat mengurus rumah tangga dengan cemerlang dari segi kewangan pada masa hadapan.